

U 8825 AAB  
UMNO - PINDA

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO BARU MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS MALAM INI UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI BAGI MEMBERI SUARA YANG LEBIH KEPADA PILIHAN YANG DIBUAT OLEH BAHAGIAN BERHUBUNG CALON UNTUK JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI, YANG SECARA AUTOMATIKNYA MEMBERI CALON ITU 10 UNDI Masing-masing.

PRESIDEN PARTI, DATUK SERI DR MAHAHATHIR MOHAMAD, MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT ITU, MESYUARAT AGUNG KHAS JUGA MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI SUPAYA PERLANTIKAN, DAN BUKAN LAGI PEMILIHAN, DIBUAT UNTUK MENGISI JAWATAN KETUA PEMUDA DAN WANITA DI PERINGKAT KEBANGSAAN.

KATANYA, PINDAAN PERTAMA ITU BERTUJUAN MEMBERI GAMBARAN YANG TEPAT MENGENAI PEMILIHAN ANGGOTA PERINGKAT BAWAH SEMASA PEMILIHAN PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN. PINDAAN ITU JUGA HANYA UNTUK DUA JAWATAN TERTINGGI PARTI SAHAJA.

APABILA PEMILIHAN UNTUK JAWATAN-JAWATAN INI DIADAKAN SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI, UNDI-UNDI AUTOMATIK DARIPADA PENCALONAN PERINGKAT BAHAGIAN ITU DIJUMLAHKAN DENGAN UNDI YANG DIBUAT OLEH PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN ITU.

MENURUTNYA, PADA MASA LEPAS TERDAPAT PERWAKILAN BAHAGIAN KE PERHIMPUNAN AGUNG ITU YANG TIDAK MEMATUHI PENCALONAN YANG DIBUAT OLEH BAHAGIAN MEREKA BERHUBUNG PENGUNDIAN CALON UNTUK JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN.

PINDAAN KEDUA ITU PULA BERTUJUAN MENGURANGKAN GEJALA TERLALU MEMAINKAN POLITIK DALAM PARTI, KATANYA. -- LAGI  
0319MST 14 04 88

U 8826 AAB  
UMNO - PINDA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MAJLIS TERTINGGI MENGADAKAN DUA SESI PERJUMPAAN MALAM INI IAITU MESYUARAT AGUNG KHAS UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI DAN MESYUARAT BIASA UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA PARTI.

KATANYA, +PINDAAN-PINDAAN ITU DIBUAT UNTUK MEMPERBAIKI PERLEMBAGAAN SEKARANG TETAPI PADA UMUMNYA, KITA MASIH MENGGUNAKAN PERLEMBAGAAN LAMA+.

MENURUTNYA, PINDAAN-PINDAAN ITU BERTUJUAN MENGELAKKAN AMALAN-AMALAN KURANG SIHAT PADA MASA LEPAS TERMASUK TINDAKAN SESETENGAH ORANG MENGGUNAKAN WANG SOGOKAN SEMASA PEMILIHAN, PERCUBAAN MENGHALANG ANGGOTA YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN ORANG TERTENTU DARIPADA MENYERTAI PEMILIHAN DAN PERCUBAAN MEMBUAT MESYUARAT DI RUMAH SENDIRI DENGAN MEMBERI JAMUAN KEPADA MEREKA YANG MENGHADIRINYA DAN TIDAK MENJEMPUT MEREKA YANG +TIDAK DIKEHENDAKI+ KE MAJLIS ITU.

+SEBAB ITU, DALAM UMNO BARU, KITA BERPENDAPAT KITA PERLU MENGURANGKAN PEMILIHAN DAN MENGELAKKAN KEJADIAN YANG MENYEKAT SESEORANG YANG BERHAK MENJADI ANGGOTA DARIPADA MENJADI ANGGOTA ATAU MENUBUHKAN CAWANGAN.

+KITA BOLEH MENGATASI MASALAH-MASALAH SEUMPAMA ITU DISEBABKAN SISTEM KITA YANG MEMBERIKAN HAK KEPADA IBU PEJABAT UNTUK MENGESAHKAN PEMILIHAN ANGGOTA,+ KATANYA.

+INI BERMAKNA SEKIRANYA JAWATANKUASA PENYELARAS DI PERINGKAT BAHAGIAN TIDAK MENYUKAI SESEORANG MENJADI ANGGOTA ATAU MENUBUHKAN CAWANGAN TERTENTU, ANGGOTA ATAU CAWANGAN ITU BOLEH MEMOHON SECARA LANGSUNG KEPADA MAJLIS TERTINGGI DAN MAJLIS TERTINGGI BERHAK MENGESAHKANNYA.+ -- LAGI

0338MST 14 04 88

U B827 AAB  
UMNO - PINDA 3 KUALA LUMPUR

SEMASA MENGHURAIKAN DENGAN LEBIH LANJUT MENGENAI PINDAAN YANG MEMBERI SUARA YANG LEBIH KEPADA PENCALONAN BAHAGIAN, BELIAU BERKATA +DALAM PEMILIHAN LEPAS, KITA DAPATI 80 BAHAGIAN MEMBUAT PENCALONAN KEPADA SATU PIHAK TETAPI BILANGAN YANG MEMILIH PIHAK ITU DI PERHIMPUNAN AGUNG BERKURANGAN+.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWAA PERWAKILAN TIDAK MEMATUHI SAMA SEKALI KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH BAHAGIAN,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENGANGGAP PERKARA ITU SEBAGAI +TIDAK WAJAR+ KERANA MENDAPATI KALANGAN PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG DIPENGARUHI OLEH PIHAK TERTENTU.

DENGAN ITU, KATANYA, MESYUARAT MALAM INI MENGAMBIL KEPUTUSAN MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA SUARA BAHAGIAN DAN JUGA PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG.

KATANYA, PERWAKILAN YANG TIDAK MEMATUHI KEHENDAK BAHAGIAN SEBENARNYA TIDAK MEMATUHI KEHENDAK ANGGOTA PERINGKAT BAWAH KERANA +KITA ADALAH PARTI GRAAS ROOT DAN BUKANNYA PARTI 1,500 ORANG PERWAKILAN+. -- LAGI

0347MST 14 04 88

U B828 AAB  
UMNO - PINDA 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, +KALAU 1,500 ORANG INI BOLEH MEMBUAT PENENTUAN MENGIKUT SESUKA HATI MEREKA DAN TIDAK MENGIKUT KEHENDAK GRASSROOT, KUASA MEREKA MESTILAH KITA KURANGKAN SEDIKIT DAN DIBERI BALIK KEPADA ANGGOTA BIASA+.

TEGASNYA, UMNO IALAH PARTI BERDASARKAN SOKONGAN PERINGKAT BAWAH DAN KERANA ITU, PARTI HARUS MEMPERTIMBANGKAN PENDAPAT +MASSA+.

KETIKA MENGULAS PINDAAN TERHADAP JAWATAN KETUA PEMUDA DAN WANITA KEBANGSAAN, BELIAU BERKATA PINDAAN ITU MEMBERI KUASA KEPADA MAJLIS TERTINGGI MELANTIK KEDUA-DUA KETUA ITU DARIPADA KALANGAN KETUA PEMUDA DAN WANITA DI PERINGKAT BAHAGIAN.

LANGKAH INI BERTUJUAN MENGELAKKAN BERLAKUNYA PERKARA YANG TIDAK SIHAT SEMASA PEMILIHAN KETUA PEMUDA DAN WANITA KEBANGSAAN, JELASNYA.

KATANYA, KETUA PEMUDA DAN WANITA KEBANGSAAN YANG DILANTIK ITU AKAN MENGANGGOTAI MAJLIS TERTINGGI DAN MENJADI NAIB PRESIDEN PARTI SECARA AUTOMATIK. -- LAGI

0355MST 14 04 88

D396

U B829 AAB  
UMNO - PINDA 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG, BELIAU BERKATA KETUA BAHAGIAN SECARA AUTOMATIK MENJADI PERWAKILAN TETAPI KETUA PEMUDA DAN WANITA BAHAGIAN PERLU DIPILIH UNTUK KE PERHIMPUNAN ITU.

KATANYA, INI KERANA APABILA MEREKA DITETAPKAN MENJADI PERWAKILAN SEPERTI DAHULU, MEREKA MENJADI TUMPUAN GOLONGAN TERTENTU UNTUK MENDAPATKAN BOKONGAN DALAM PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI, SESUATU YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI TIDAK SIHAT.

OLEH KERANA TIADA PERWAKILAN PEMUDA DAN WANITA BAHAGIAN YANG SECARA AUTOMATIK AKAN KE PERHIMPUNAN AGUNG ITU, BILANGAN PERWAKILAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA DITINGKATKAN DARIPADA LIMA KEPADA 30 ORANG SUPAYA MEREKA +TIDAK KEHILANGAN SUARA+.

BELIAU BERKATA PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN, TIGA NAIB PRESIDEN BERTA 25 ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI AKAN DIPILIH SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG.

BELIAU, SEMENTARA ITU, BERKATA PEMILIHAN DI PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN AKAN DIJALANKAN SEPERTI BIASA IAITU MELANTIK KETUA, ANGGOTA JAWATANKUASA, KETUA PEMUDA DAN WANITA DI PERINGKAT MASING-MASING. -- LAGI

0404MST 14 04 88

D397

U B830 AAB  
UMNO - PINDA 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO BARU SUDAH DILULUSKAN (OLEH PENDAFTAR PERTUBUHAN) DAN MAJLIS TERTINGGI BERHAK MENGADAKAN MEBSUARAT AGUNG KHAS UNTUK MELULUSKAN PINDAAN PERLEMBAGAN PARTI ITU.

+BAGAIMANAPUN, SEMASA MESYUARAT AGUNG KHAS INI, KITA BERSETUJU SUPAYA PERLEMBAGAAN ITU DIBENTANGKAN UNTUK DILULUSKAN,+ KATANYA.

SELAIN MESYUARAT AGUNG KHAS ITU, MAJLIS TERTINGGI JUGA MENGADAKAN MESYUARAT BIASA UNTUK MEMBINCANGKAN CARA MENGISI BORANG UMNO BARU.

BELIAU BERKATA RAMAI ORANG TELAH MENGISI BORANG TETAPI BELUM DISAHKAN SEBAGAI ANGGOTA KERANA MAJLIS TERTINGGI BELUM MENGESAHKAN PERMOHONAN MEREKA ITU.

TIMBALAN PRESIDEN PARTI, ENCIK GHAFAR BABA, YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI, BERKATA PINDAAN PERLEMBAGAAN AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA PENDAFTAR PERTUBUHAN UNTUK DILULUSKAN ESOK. -- BERNAMA.

0409MST 14 04 88